

Dua pesilat Republik masuk final

-6 DEC 1987

KUALA LUMPUR — Dua peserta Singapura menempah tempat dalam pertandingan akhir Kejohanan Silat Sedunia Keempat, yang berlangsung di Stadium Negara petang semalam.

Mereka ialah pesilat Kelas C, Khalid Awad, dan Azman Amat yang bertanding dalam Kelas D.

Khalid mengalahkan pesilat Malaysia A, Mohd Khairi Abdul Rahman, dengan 3-2, sementara menundukkan Asanredso Loyd

Dari Surinam 5-0.

Bagaimanapun, empat pesilat Republik yang lain kecundang dan terpaksa berpuas hati dengan memenangi pingat gangsa.

Mereka ialah Azrin Abdul Rahim, Mohamed Riduan, Jamal Jantan dan Badriah Hosni.

Keputusan pesilat Singapura: Lelaki Kelas B: Ahmad Wardi Salim (Mal B) khl Mohd Riduan (S'pura) 4-1.

Kelas C: Khalid Awad (S'pura)

khl Mohd Khairi Abdul Rahman (Mal A) 3-2.

Kelas D: Azman Amat (S'pura) khl Asanredso Loyd (Surinam) 5-0; Kelas E: Ricky (Indon) khl Azrin Abdul Rahman (S'pura) 3-2; Kelas F: Koldoazmendi Iturrate (Sepanyol) menang percuma Jamal Jantan (S'pura).

Wanita Kelas B: Tri Suahyuni (Indon) khl Badriah Hosni (S'pura) 3-2. — Oleh **HANIM MOHD SALLEH**.

Berita Minggu



■ MOHD SANI MORNI

Mohd Sani belum boleh tersenyum

B. Minggu (M)

KETUA jurulatih silat kebangsaan, Mohd Sani Morni, masih belum berupaya mengukir senyum, walaupun lima pesilat negara menempah tiket ke perlawanan akhir acara masing-masing.

Di samping merenung jauh cabaran getir yang bakal dihadapi oleh keempat-empat anak buahnya dalam perlawanan akhir esok, Mohd Sani jelas membayangkan rasa kesal terhadap beberapa keputusan sebelum ini.

Akademi silat perlu ditubuhkan

-6 DEC 1987

B. Minggu (M)

KUALA LUMPUR, Sabtu — Sebuah Akademi Silat perlu ditubuhkan di rantau ini demi mengekalkan ciri asli seni mempertahankan diri yang berasal dari rantau ini.

Jika negara Asean khususnya Malaysia tidak mengambil daya usaha mencapai matlamat itu, ia mungkin didirikan di negara Eropah yang ketika ini sudah bergiat cergas mempelajari seni itu.

Sekiranya ini berlaku, ia akan mengaibkan negara yang menjadi pewaris seni pencak silat, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Encik Abdul Rahman Sulaiman.

Berucap merasmikan Seminar Sehari Silat di sini hari ini, beliau khuatir generasi akan datang mengenal seni itu sebagai kesenian dan ilmu pertahanan diri yang diwarisi dari negara luar.

Katanya, akademi itu seharusnya bertanggungjawab mengendalikan segala bentuk ilmu pencak silat secara profesional dan sistematik.

Encik Abdul Rahman berkata akademi itu tidak semestinya ditubuhkan oleh kerajaan.

Sebaliknya, persatuan silat wajar mengorak langkah ke arah itu dan kerajaan Malaysia sedia membantu dan bekerjasama dengan mereka.

"Kerjasama dan penyelarasan antara pelbagai pertubuhan silat serta persekutuan seni silat di rantau ini perlu diwujudkan bagi memastikan hasrat itu menjadi kenyataan," katanya.

Beliau berkata kementerianya boleh menyediakan tenaga pengajar dan bantuan kewangan untuk organisasi yang berminat menubuhkan akademi berkenaan.

Saya mahu Joko Wardi

B. Minggu (M)

-6 DEC 1987
— Wardi

AHMAD WARDI SALIM terkilan tidak dapat menebus kekalahan dalam Sukan SEA di Jakarta, September lalu kepada Joko Widodo dari

Sambutan peminat hebat sekali

B. Minggu (M)

-8 DEC 1987

SAMBUTAN peminat silat untuk Ke-